



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

## **UCAPAN**

**EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI  
KETUA PENGARAH  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**HARI SUKAN NEGARA 2021**

**9 OKTOBER 2021**

**ZOOM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini. Seperti yang semua sedia maklum, sebelum ini dalam fasa Pelan Pemulihan Negara, banyak aktiviti fizikal dan bersemuka yang tidak dapat kita laksanakan. Jadi, pada pagi ini saya berasa teruja kerana dapat bersama-sama dalam majlis yang cukup ringkas ini.

Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada hari Sabtu kedua bulan Oktober setiap tahun. Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dalam mentransformasikan Malaysia kepada negara yang bersukan dan sehingga menjadi satu budaya hidup.

Hari Sukan Negara bertujuan untuk merealisasikan hasrat dan inspirasi Kementerian Belia dan Sukan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

Saya berharap seluruh warga Standards Malaysia dapat memanfaatkan hari ini sebaik-baiknya. Luangkan sedikit masa untuk melakukan aktiviti riadah dan bersenam ringan Bersama rakan-rakan sekerja.

Terima kasih juga kepada urus setia yang menganjurkan majlis ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Hari Sukan Negara Peringkat Jabatan Standard Malaysia 2021.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.